

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**

**SOALAN : NO. 237**

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sebab Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang menerima paling banyak peruntukan dalam bajet Kerajaan tidak berada dalam senarai 300 universiti terbaik di dunia bagi penilaian 2017/2018 manakala lima universiti penyelidikan yang peruntukannya semakin kurang mempunyai prestasi dan pencapaian ranking yang lebih baik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan matlamat dalam menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di rantau ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengkategorikan universiti awam kepada tiga kategori iaitu Universiti Penyelidikan, Universiti Komprehensif dan Universiti Berfokus (teknikal, pendidikan, pengurusan dan pertahanan). Setiap kategori universiti ini mempunyai fokus yang berbeza namun saling menyokong antara satu sama lain.

UiTM merupakan universiti yang dikategorikan sebagai Universiti Komprehensif iaitu universiti yang berperanan untuk menyampaikan program pendidikan kepada pelajar di semua peringkat dan berperanan penting menyediakan bakat yang relevan kepada keperluan semasa negara dan memenuhi keperluan pasaran. Di samping itu, penubuhan UiTM juga atas dasar sebagai pemangkin dalam menjuarai agenda sosial

negara, mengurangkan kadar kemiskinan melalui mobiliti sosial bumiputera serta limpahan ekonomi di kawasan sekitar kampus UiTM amat signifikan.

Dalam usaha sesebuah universiti untuk tersenarai dalam *ranking*, universiti perlu memberikan fokus yang tinggi kepada penyelidikan yang menghasilkan output berkualiti dan berimpak tinggi, di samping memperluaskan kerjasama penyelidikan di dalam dan luar negara terutamanya dengan institusi bereputasi tinggi. Ini bukan fokus penubuhan Universiti Komprehensif sebaliknya merupakan fokus Universiti Penyelidikan.

Walau bagaimanapun UiTM tetap memperlihatkan kecemerlangan melalui pengiktirafan bagi Kategori Reputasi Akademik, Penilaian Majikan dan Sitasi Bagi Setiap Pensyarah.